

BR1M langkah tepat bantu rakyat

KUALA LUMPUR 15 Jan. - Kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa pembangkang akan meneruskan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) jika menang pilihan raya umum akan datang, membuktikan manfaat bantuan itu dalam meringankan kenaikan kos sara hidup serta dapat merangsang ekonomi tempatan.

Menurut para pemimpin Barisan Nasional (BN), sejak dahulu kerajaan berpendapat kaedah itu terbaik untuk membantu rakyat dan itu menyebabkan Dr. Mahathir terpaksa mengubah pendirian walaupun pernah menuduh pelaksanaan BR1M adalah sebagai rasuah kerajaan untuk menang pilihan raya umum.

Bagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan pula, Dr. Mahathir mengetahui pemberian bantuan tunai seperti BR1M adalah popular dan efektif, disebabkan itu beliau membuat pusingan U dan mengatakan bantuan itu adalah penting.

Menurutnya, Pengerusi PPBM itu, sebelum ini puas menghina kumpulan penerima BR1M seba-

gai penerima rasuah, kini beliau pula akan meneruskan pemberian BR1M sekiranya pembangkang memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14.

“Dia mahu menjadikan BR1M sebagai bantuan statutori. Dulu rasuah kini statutori. Mengagumkan,” sindirnya melalui laman Twitter miliknya.

Di **ALOR SETAR**, Kedah, Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Othman Aziz berkata, Dr. Mahathir dilihat tidak mahu mengaku salah walaupun telah mengubah pendiriannya mengenai BR1M yang sebelum ini dilabel oleh beliau sendiri sebagai satu bentuk rasuah dan haram.

“Kita sangat sedih apabila Dr. Mahathir sebelum ini mempolemikkan BR1M sehingga menimbulkan kekeliruan kepada rakyat,” katanya.

Othman berkata, BR1M sebenarnya bukanlah satu bentuk rasuah, sebaliknya bantuan yang diberikan kepada rakyat yang memerlukan, sama seperti duit ihsan yang diberi Felda kepada para peneroka dan Bantuan Awal Persekolahan yang diberikan Kementerian Pendidikan kepada ibu bapa.



ABDUL RAHMAN DAHLAN



OTHMAN AZIZ